

## **Busana Muslimah Menurut Perspektif Al-Quran dan Al-Hadith**

Siti Sarah Zainal Abidin  
*hafizsarah08@gmail.com*  
*Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan*  
*Universiti Malaysia Kelantan*

Mohd Nawawi Ismail  
*nawi.ismail@umk.edu.my*  
*Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan*  
*Universiti Malaysia Kelantan*

### **ABSTRAK**

Artikel ini bertujuan untuk menelusuri busana muslimah dalam masyarakat melayu. Sebagai ciptaan Allah yang paling sempurna, manusia menginginkan kelengkapan yang sempurna sesuai dengan tingkat kebudayaan dan intelektualnya. Busana itu merupakan perlembagaan cita rasa ia disesuaikan menurut personaliti dan mesti membaluti dan memelihara badan kita. Setelah disoroti ayat-ayat al-Quran dan matan al-Hadith, didapati busana muslimah telah dibincangkan sejak dahulu lagi. Malah Allah swt dan Nabi saw telah memberikan model asas bagi busana muslimah yang bertepatan dengan Islam. Justeru kertas kerja ini diharapkan dapat membantu pembaca untuk sama-sama memahami konsep sebenar busana muslimah yang digariskan di dalam al-Quran dan Al-Hadith.

**Kata Kunci:** Busana Muslimah; pakaian dalam al-Quran dan al-hadith; pakaian wanita Islam

## **Attire of Muslim Women in the Perspective of Al-Qur'an and Al-Hadith**

### **ABSTRACT**

This article aims to examine the attire of Muslim women within the Malay society. As the most perfect creation of Allah, humans desire perfection in accordance to their cultural and intellectual intensities. The attire is a constitution of one's preferences which is tailored to the personality and must conceal and protect our bodies. After highlighting the verses of Al-Qur'an and al-Hadith, it was found that the attire of Muslim women (*busana Muslimah*) has been discussed throughout many ages of time. In fact, Allah swt and the Prophet saw provided a basic model for Muslim women attire which conforms to Islam. Hence, the purpose of this paper is to enlighten the reader to understand the true concept of Muslim women attire outlined in Al-Qur'an and Al-Hadith.

**Keywords:** Muslim women attire; attire in Al-Qur'an and al-hadith; Muslim women clothing

## PENDAHULUAN

Sebaik-baik pakaian lelaki ataupun perempuan ialah sejenis pakaian yang ringkas dan tidak menyukarkan serta boleh mengerjakan solat yang difardhukan. Dalam Islam, penilaian terhadap seseorang yang tampil dengan identiti bersih dan kemas adalah lebih utama daripada golongan yang keterlaluan dan melampaui batasan kesopanan

Hal ini disebabkan kekeliruan dan kurangnya pemahaman terhadap pengertian asal busana muslimah itu sendiri sehingga ia diterjemahkan dengan pelbagai bentuk rekaan busana terkini yang kurang menepati syariat. Apa yang dimaksudkan dengan busana muslimah yang sebenarnya ialah satu set pakaian wanita Islam yang direka bersesuaian dan bertepatan dengan syarak iaitu menutup aurat dan bukannya pakaian kemegahan. (Wan Nor Rosenaini Wan Noh (2007).

Kebebasan berpakaian yang diberikan oleh Islam dengan tidak melabelkan pakaian-pakaian tertentu sebagai pakaian yang wajib diterima dan dipakai ini membuktikan bahawa Islam tidak pernah membebankan umatnya. Namun sebagai seorang muslim terutamanya wanita keterbatasan aurat mereka adalah diambilkira. Dengan kata lain, mereka perlu memilih pakaian yang memenuhi syarat menutup aurat dan tidak berlebih-lebihan sehingga timbul perasaan riyak dan bangga dirinya dan rasa takjub bagi orang yang memandangnya.

## ANALISIS BUSANA MUSLIMAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Bagi mendapatkan suatu standard *busana muslimah* menurut al-Quran al-Karim, pengkaji mendapati ayat-ayat al-Quran perlu digabungjalinkan dengan beberapa ayat-ayat al-Quran bagi melengkapkan kefahaman berkaitan busana muslimah menurut al-Quran al-Karim.

Untuk tujuan tersebut, langkah pertama yang diambil oleh pengkaji ialah dengan meneliti dan memahami ayat-ayat al-Quran terma "*hijab*" untuk mengetahui pensyariatan hijab dalam Islam. Di bawah ini, pengkaji telah mengenalpasti tiga ayat yang berkaitan dengan pensyariatan hijab di dalam Islam serta di datangkan analisis penuh berkaitan setiap ayat yang dibawakan. Ayat tersebut adalah dari Surah al-Ahzab ayat 53, surah al-Ahzab ayat 59 dan surah an-Nur ayat 31.

### SURAH AL-AHZAB AYAT 53

Ayat suci ini mengandungi dua perintah yang penting. Perintah pertama iaitu adab berkunjung dan menghadiri jamuan yang mana Allah menegah orang ramai menziarahi kawan menjelang waktu makan dan duduk sehingga tiba waktu makan. Mereka dinasihatkan supaya melawat kawan hanya pada waktu apabila dijemput makan. Apabila telah habis makan, jangan berlengah-lengah dan bercakap kosong menyebabkan tuan rumah berasa kurang selesa dan gelisah. (Muhammad Ali al-Sabuni, t.t)

Al-Maraghiy (Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001), mentafsirkan ayat ini ; Ayat ini menjadi dasar tentang haramnya tinggal lama di rumah seseorang yang menjamu orang ramai setelah jamuan makan selesai kerana kan menimbulkan keraguan kepada tuan rumah. Dan apabila kamu ingin meminta sesuatu daripada wanita yang bukan muhrim, maka hendaklah kamu meminta di balik tabir. Manakala disyariatkan agar masuk dengan meminta izin terlebih dahulu dan tidak asyik berbincang di rumah baginda

adalah lebih suci bagi hati kamu dan hati isteri-isteri Nabi SAW daripada godaan dan bisikan syaitan kerana mata merupakan delegasi hati. Perintah yang kedua terkandung di dalam ayat ini adalah yang disebutkan sebagai perintah hijab ataupun adab pemisahan antara lelaki dan wanita di dalam pergaulan.(Muhammad Ali al-Sabuni (t.t))

Dalam ayat yang terkandung di dalam surah al-Ahzab ini, hijab telah diperintahkan bagi kaum wanita, sedangkan sebelumnya wanita tidak diwajibkan untuk memakai hijab hingga ayat ini diturunkan.( Muhammad Ismail,2007). Perintah hijab diwahyukan sewaktu Nabi SAW baru sahaja berkahwin dengan Zainab bin Jahsyi. Peristiwa ini telah berlaku pada tahun yang kelima hijrah pada bulan Zulkaedah iaitu sesudah berlakunya Perang Khandaq.(Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, 2000). Nabi telah menggantung tabir antara Zainab dengan orang lain yang sedang berada dirumahnya. Dengan cara begitu, baginda telah mengasingkan Zainab daripada orang-orang lelaki yang ada di situ. Baginda tidak menutup tubuh baginda dengan pakaian labuh ataupun selendang tetapi hanya menggantung tabir dan dengan itu mengasingkan dia daripada kaum lelaki sepenuhnya.( Afzalur rahman,2000) Setelah turunnya perintah hijab menjadi kebiasaan bagi isteri-isteri nabi tinggal di dalam rumah sahaja. Para ulama tafsir bersepakat bahawa walaupun ayat ini ditujukan kepada isteri-isteri Nabi SAW, akan tetapi hakikatnya dimaksudkan untuk seluruh wanita Muslimah. Bukti yang jelas ialah pada firman Allah yang berbunyi:

*“... yang demikian itu lebih suci bagi hatimu.”*  
 Surah al-Ahzab (33:53)

Ayat di atas secara simboliknya menyentuh tentang ketidak-sopanan (keluar rumah tanpa memakai hijab) yang menyebabkan sifat keji dan biadab tumbuh subur di dalam hati. (<sup>1</sup>Muhammad Ismail (2007). Di dalam mentafsirkan ayat ini, Ibnu Kathir (Ibnu Kathir, t.t) menulis : “ Orang-orang Islam dilarang memasuki rumah-rumah Nabi Saw sebagaimana memasuki rumah-rumah satu sama lain tanpa izin, sebelum kedatangan Islam. Allah memilih kesopanan dan kehormatan bagi umat ini dan memerintahkan mereka untuk memakai hijab. Jelaslah bahawa perintah hijab adalah bertujuan untuk menghormati dan memuliakan umat ini.

Sayyid Qutb (Sayyid Qutb, 1986) di dalam tafsirnya yang agung menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan untuk mengajar orang Islam supaya jangan memasuki rumah nabi tanpa izin dan al-Quran menjelaskan bahawa hijab itu lebih bersih kepada hati masing-masing. Dan janganlah ada sesiapa menghapuskan hijab serta memberi kebebasan kepada golongan lelaki dan wanita untuk berkomunikasi. Menurut al-Qurtubi,(Al-Qurtubi,1987) ayat ini mengandungi usul syariah yang menjadi bukti yang mana setiap dari wanita itu kesemuanya adalah aurat termasuklah badannya, suaranya dan seluruh anggotanya dan tidak boleh bagi mereka mendedahkan atau membukanya kecuali jika ada hajat seperti sakit dan sebagainya.

Kemudian daripada tarikh turunnya ayat hijab ini, maka telah direntangkan pada muka pintu rumah isteri-isteri nabi dan wanita-wanita islam yang lain juga memasang tabir pada muka pintu mereka mengikut contoh para nabi.( Afzalur Rahman, 2000 ), Bertitik tolak daripada ayat inilah telah bermulalah pelaksanaan peraturan hijab di dalam Islam.

### SURAH AL-AHZAB AYAT 59

Seterusnya perintah hijab peringkat kedua terkandung di dalam ayat yang mulia ini. Wanita muslimah diperintahkan agar tidak meninggalkan rumah-rumah mereka tanpa ada keperluan yang mendesak. Jika ada sesuatu yang mengharuskan mereka keluar, maka mereka tidak boleh keluar tanpa memakai hijab seperti wanita-wanita Jahiliyyah yang terdahulu. Dalam surah al-Ahzab yang seterusnya, Allah SWT memerintahkan mereka untuk memakai jilbab ketika mereka keluar dari rumah-rumah mereka :

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَابِيبِهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا  
رَحِيمًا

*“Wahai Nabi! Katakanlah kepada para isterimu, kepada anak perempuanmu, dan kepada para wanita mukmin : ‘Hendaklah mereka menghulurkan (melabuhkan) jilbabnya ke seluruh tubuh mereka. Yang demikian itu sekurang-kurangnya supaya mereka lebih mudah dikenali, lalu mereka tidak di ganggu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.*

Surah al-Ahzab (33: 59)

Hijab peringkat kedua ini adalah merupakan purdah dan kain penutup muka yang digunakan oleh wanita apabila seseorang wanita terpaksa keluar kerana sesuatu keperluan, maka pada ketika itulah dia diwajibkan menutup tubuhnya dengan pakaian yang labuh (jubah) seperti mana yang terkandung di dalam ayat ini ( al-Ahzab ayat 59). Ayat ini merupakan dalil yang sangat penting di antara ayat-ayat yang berkenaan dengan hijab kerana dalam ayat tersebut dinyatakan dengan jelas bahawa menutup wajah adalah termasuk dalam perintah berhijab. Ayat ini tidak hanya ditujukan kepada isteri-isteri Nabi SAW maka tidak ada sesiapa pun yang berhak untuk menafikan bahawa ayat ini tidak sesuai apatah lagi tidak relevan untuk dilaksanakan oleh semua wanita.(Muhammad Ismail,2007) Melalui ayat ini, apabila seseorang wanita perlu keluar dari rumah kerana sesutau urusan, dia wajib memakai hijab peringkat ini. (Afzalur Rahman, 2000 )

Syariah Islam adalah satu sistem yang komprehensif dan sempurna. Ia telah mengubah suai mengikut keperluan semasa. Jelas bahawa wanita terpaksa keluar semasa menjalankan tugasnya untuk sebab-sebab yang tertentu, maka dalam hal ini mereka telah dituntut untuk memakai hijab peringkat ke dua ini.

Surah ini mengandungi Perkataan *Al- Jalabib* : Perkataan jama’ daripada kata *Jilbab*, iaitu sejenis pakaian yang menutupi seluruh tubuh wanita (jubah), berbeza dengan baju biasa dan kerudung.( Teuku Iskandar,1996) Kain atau pakaian luar ini bererti meliputi seluruh tubuh badan termasuklah muka. Menurut IbnuAbbas, *Jalabib* memberi makna wanita perlu ditutup seluruhnya dari kepala hingga ke kaki dan menutup muka serta hidungnya. Hanya sebelah mata sahaja yang dibuka supaya dia dapat melihat ketika berjalan. Dalam keadaan begini, wanita masih tidak dibenarkan keluar dengan memakai bau-bauan atau memakai barang kemas yang berloceng. Wanita juga dinasihati agar berjalan di sebelah jalan sahaja dan mereka tidak boleh bergaul dengan lelaki. ( Afzalur Rahman, 2000 ).

Ulama-ulama yang pakar dalam al-Quran, tidak hanya memberikan penjelasan kepada kita mengenai perintah berhijab dan menutup wajah bagi kaum wanita, tetapi juga mereka menjelaskan cara yang tepat untuk memakai jilbab. Dilaporkan bahawa ahli tafsir al-quran termasyhur, Ibnu ‘Abbas r.a. telah menyebutkan dua cara memakai jilbab.

Pertama, sehelai kain ditarik dari atas untuk menutupi badan, kecuali satu mata, sebagaimana yang telah diterangkan. Cara kedua pula ialah kedua-dua biji mata dibiarkan tidak tertutup. (Muhammad Ismail, 2007)

Abu Hayyan mengatakan, “Manfaat apabila wanita memaki hijab iaitu mereka akan dikenal sebagai wanita yang solehah dan terhormat. Dengan demikian, orang-orang jahat akan menjauhi mereka dan mereka tidak diganggu. Tidak ada seorang pun yang berani mendekati apalagi merayu wanita yang memakai hijab dengan sempurna. Berbeza dengan wanita yang keluar rumah tanpa berhijab, memakai solekan yang menarik bahkan tidak menutup aurat, maka orang yang kotor hatinya dan berniat jahat berharap dapat menggauli wanita seperti ini” (Muhammad b. Yusof, 1983)

Ini bererti bahawa hijab telah disyariatkan bagi kesempurnaan keadaan ketika keluar dari rumah. Dan di dalam kesempurnaan keadaan ini terdapat pula kesempurnaan pembezaan, penjagaan dan penghormatan. Untuk memenuhi kriteria-kriteria hijab yang wajib bagi aurat, ia dapat direalisasikan dengan model-model pakaian yang mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam syariat Islam sama ada baju kurung, kerudung, *Qubtiyah*, *abayah* dan apa sahaja yang seumpama dengannya.

Kesemua keterangan di atas bukan hanya sekadar teori, kita mendapatkan dari hadis-hadis dan riwayat-riwayat, bahawa semua wanita termasuk isteri-isteri Rasulullah SAW setelah turunnya ayat ini, mereka terus mengamalkan perintah ini dan memakai jilbab. Pakaian hijab yang dikenakan wanita ketika itu sudah menjadi norma dalam masyarakat Islam. Pada hakikatnya, inilah contoh bagaimana kesediaan wanita Islam di dalam mentaati dan mengamalkan setiap perintah Allah SWT.

### SURAH AN-NUR AYAT 31

Islam tidak hanya memerintahkan wanita untuk tetap tinggal di rumah, tidak berbicara dengan lelaki yang bukan mahramnya dengan penuh ghairah dan menutup diri mereka dengan purdah yang berperanan sebagai pencegah ruang-ruang yang berisiko menjerumus ke lembah yang akhirnya akan merosakkannya sebagai wanita yang terpuji. Seterusnya hijab pada peringkat ketiga ini, Allah SWT telah memerintahkan untuk menundukkan pandangan dan menyembunyikan perhiasan termasuklah menutupi seluruh tubuh dengan baju luar yang labuh melainkan muka dan kedua-dua tapak tangan.

Firman Allah S.T :

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ خُيُوبِهِنَّ

“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan yang tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka.....”

Ayat yang mulia ini tercantum dalam surah An-Nur, sebuah surah yang menjelaskan mengenai hukum-hukum menjaga kehormatan dan menutup aurat. Para ulama antaranya beranggapan bahawa ayat surah al-Ahzab ayat 53 diturunkan pada tahun kelima hijrah. Imam Ibnu Kathir dan al-Syaukani yakin bahawa ayat ini diwahyukan pada 5 hijrah dan ayat tersebut merupakan ayat pertama yang berhubung kait dengan perintah hijab. (Muhammad Ismail, 2007) Manakala surah an-Nur di atas diwahyukan semasa

kejadian *Ifk* yang terjadi ketika Rasulullah SAW kembali dari peperangan Bani Mustaliq. Peperangan ini terjadipada tahun 6 hijrah. Daripada tarikh peristiwa sejarah ini, jelas menunjukkan bahawa ayat ini diwahyukan setelah ayat-ayat dalam surah al-Ahzab diturunkan. (Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, 2000)

Ayat ini menjelaskan batas-batas yang mesti ditutupi. Dapat difahami daripada pentafsiran yang telah dilakukan terhadap ayat tersebut bahawa wanita muslimah diperintahkan agar melebarkan penutup kepalanya sampai dada sehingga menutupi sekitar lehernya. Kata *jaib* adalah bermaksud bahagian baju yang terbuka, ini adalah merupakan kiasan untuk dada, kerana jika kancing baju ditutup maka ia secara automatiknya akan menutup dada. Oleh yang demikian turunlah ketetapan bahawa wanita diwajibkan menutup rambut, kedua telinga dan lehernya. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ibnu Abbas di dalam mentafsirkan ayat tersebut bahawa sesungguhnya wanita diwajibkan menutup rambut, dada dan leher mereka sampai ke bawah. (Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti 2000)

Jumhur ulama' memilih pendapat yang dikemukakan oleh Ibnu Abbas ialah muka dan kedua tapak tangan termasuk cincin, inai celak dan seumpamanya yang dibuat perhiasan di dua anggota tersebut. (Mohd Azhar Abdullah, 2002) Melalui pendapat ini wanita wajib menutup seluruh tubuhnya melainkan dua tapak tangan dan muka, dan juga dibenarkan memperlihatkan perhiasan di tangan seperti cincin, inai, gelang tangan dan perhiasan muka yang tidak keterlaluan seperti celak, gincu yang sangat nipis, bedak muka dan sebagainya.

Jumhur Fuqaha' menafsirkan ما ظهر منها yang biasa nampak daripadanya iaitu : muka dan telapak tangan. Mereka berdalil kepada hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dalam sunannya, dari Khalid bin Duraik, dari Aisyah R.ha., bahawa Asma' binti Abu Bakar masuk ke rumah Nabi S.A.W berpakaian nipis. Rasulullah SAW memalingkan pandangan daripadanya lalu berkata :

*“Hai Asma’! Bila seorang wanita telah baligh tidak bagus kelihatan tubuhnya, kecuali ini – sambil menunjukkan ke muka dan telapak tangan”*

(Sunan Abi Dawud, 1973)

Melalui ayat ini juga golongan mufassirin menafsirkan bahawa kaum wanita yang beriman ini hendaklah melabuhkan tudung ke dada bahagian atas hingga di bawah leher, supaya dengan yang demikian mereka dapat menutupi rambut, leher dan dadanya, sehingga tidak sedikit pun dapat dilihat oleh orang lain. Dalam menjelajahi topik ini, terdapat ayat lain yang melengkapi ayat ini seterusnya membuktikan keadilan Islam terhadap umatnya, iaitu melalui firman Allah S.W.T. pada surah al-Nur :

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْضُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا أَرْوَاحَهُمْ ذَلِكَ أَرْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

*“(Wahai Muhammad) kepada orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan”*

Sebagai kesimpulannya, terdapat tiga ayat yang menerangkan *Busana muslimah* yang sempurna menurut al-Quran. Allah mendidik manusia melalui adab dan tata cara yang sopan seperti mana yang terdapat di dalam surah an-Nur ayat 27 di atas. Hijab peringkat pertama yang dinyatakan dalam ayat tersebut ialah fungsi asas atau tujuan iaitu penglibatan wanita di rumah, kecuali jika diperlukan untuk keluar dari rumahnya untuk sesuatu urusan penting. Seterusnya, hijab peringkat kedua pula apabila dia keluar dari rumahnya bagi melaksanakan urusannya dia mestilah menutup seluruh anggota badannya. Kemudian hijab peringkat ketiga ini adalah menerangkan tatacara berbusana ketika hendak keluar dari rumah mereka dan juga pengecualian padanya muka dan juga tapak tangan. Perintah yang terkandung di dalam pensyariatan hijab kedua dan ketiga ini perlulah digabungkan untuk memahami model *Busana Muslimah* yang telah disyariatkan kepada setiap wanita mu'min menurut perspektif al-Quran.

## BUSANA MUSLIMAH DALAM AL-SUNNAH

Di dalam sub topik ini, pengkaji menyenaraikan 6 buah hadith yang membincangkan tentang busana muslimah yang terdapat di dalam al-Sunnah. Pemilihan kepada 6 buah hadith ini adalah hasil daripada analisis serta sorotan dan pemakhaman yang dilakukan terhadap hadith-hadith tersebut yang bertepatan dengan topik yang ingin dikaji. Ini tidak menafikan hadith-hadith lain yang terdapat dalam al-sunnah dalam membicarakan hal yang sama. Hadith-hadith yang dipilih akan di datangkan dengan matan hadith yang lengkap beserta dengan takhrij atau sumber hadith, darjat hadith, terjemahan hadith serta tumpuan bagi setiap hadith.

### Busana Wanita Baligh

حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ كَعْبٍ الْأَنْطَاكِيُّ وَمُؤَمَّلُ بْنُ الْفَضْلِ الْحَرَّابِيُّ قَالََا حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ عَنْ سَعِيدِ بْنِ بَشِيرٍ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ خَالِدِ  
قَالَ يَعْقُوبُ ابْنُ دُرَيْكِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ أَسْمَاءَ بِنْتَ أَبِي بَكْرٍ دَخَلَتْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
وَعَلَيْهَا ثِيَابٌ رِقَاقٌ فَأَعْرَضَ عَنْهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ يَا أَسْمَاءُ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتْ الْمَحِيضَ لَمْ تَصَلُحْ  
أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلَّا هَذَا وَهَذَا وَأَشَارَ إِلَى وَجْهِهِ وَكَفِّهِ

### Takhrij

Imam Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Libas, *Bab Fi Ma Tubdi al-Mar'ah Min Zinatiha*, no. 4104, Riyadh : Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyri wa al-Tauzi', juz 4, hal. 62

### Darjat Hadith

Hadis ini *Sahih*. Imam Abu Dawud pula berpendapat hadis ini Mursal kerana Halim bin Duraik tidak berjumpa dengan 'Aisyah.

### Terjemahan Hadith

Telah berkata Aisyah r.a “ Sesungguhnya, Asma’ binti Abu Bakar menemui Nabi SAW dengan memakai busana yang nipis ” Maka nabi berpaling daripadanya dan bersabda “Wahai Asma’ , sesungguhnya apabila wanita itu telah baligh (sudah haid) tidak boleh dilihat daripadanya kecuali ini dan ini , sambil mengisyaratkan kepada muka dan tapak tangannya”

### ***Tumpuan hadith***

Etika pemakaian busana bagi perempuan yang telah baligh. Hadis ini menjelaskan kepada kita bahawa seluruh anggota tubuh wanita adalah aurat kecuali muka dan kedua tapak tangan.

### **Larangan Melabuhkan kain dengan kesombongan**

أَخْبَرَنَا نُوحُ بْنُ حَبِيبٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ قَالَ حَدَّثَنَا مَعْمَرٌ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ جَرَّ ثَوْبَهُ مِنَ الْخِيَلَاءِ لَمْ يَنْظُرُ اللَّهُ إِلَيْهِ قَالَتْ أُمُّ سَلَمَةَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَكَيْفَ تَصْنَعُ النِّسَاءُ بِذِيُوهُنَّ قَالَ تُرْجِحِيَهُ شِبْرًا قَالَتْ إِذَا تَنَكَّشِفَ أَفْئِدَاهُنَّ قَالَ تَرْجِحِيَهُ ذِرَاعًا لَا تَزِدْنَ عَلَيْهِ

### ***Takhrij Hadith***

Imam Nasai'e, *Sunan Nasai'e*, Kitab az-Ziinah, Bab Dzuyul an-Nisa', juz.16, hal.145, no.5336.

### ***Darjat Hadith***

Hadith ini adalah *Sahih*.

### ***Terjemahan Hadith***

Nuh bin Habib telah memberitahu kepada kami, telah menceritakan kepada kami Abdul Razzaq, berkata: telah menceritakan kepada kami Ma'mar, daripada Ayyub, daripada Nafi' daripada Ibnu Umar berkata: Rasulullah SAW berkata: Sesiapa sahaja yang menjulurkan (melabuhkan) pakaiannya kerana sombong, nescaya Allah SWT tidak akan melihatnya dengan pandangan kasih sayang pada hari kiamat. Maka Ummu Salamah pun bertanya: Apa yang perlu dilakukan oleh para wanita dengan hujung pakaiannya? Nabi SAW menjawab: Hendaklah mereka menurunkan (melabuhkannya) satu jengkal dari pertengahan betis. Ummu Salamah berkata: Jika begitu, sudah tentu telapak kaki mereka masih akan tersingkap (kelihatan). Maka Rasulullah SAW pun menerangkan: Sekiranya begitu, hendaklah mereka menurunkannya satu hasta dan tidak boleh lebih dari itu.

### ***Tumpuan Hadith***

Hadith ini menjelaskan tentang balasan bagi sesiapa yang melabuhkan pakaian dengan kesombongan pada hari pembalasan kelak.

### **Ciri-ciri pakaian Yang Termasuk Dalam Golongan Ahli Neraka**

حَدَّثَنِي زُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ سُهَيْلٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صِنْفَانِ مِنْ أَهْلِ النَّارِ لَمْ أَرَهُمَا قَوْمٌ مَعَهُمْ سِيَاطٌ كَأَذْنَابِ الْبَقَرِ يَضْرِبُونَ بِهَا النَّاسَ وَنِسَاءٌ كَاسِيَاتٌ عَارِيَاتٌ مُمِيلَاتٌ مَائِلَاتٌ رُءُوسُهُنَّ كَأَسْنِمَةِ الْبُيُوتِ الْمَائِلَةِ لَا يَدْخُلْنَ الْجَنَّةَ وَلَا يَجِدْنَ رِجْلَيْهَا وَإِنَّ رِجْلَيْهَا لَيُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ كَذَا وَكَذَا



### **Takhrij Hadith**

Imam Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab Jannah Wa Sifatu Na'imuha Wa Ahluha, Bab fi Syiddati Hurri Nari Jahannam Wa Ba'd Qa'aruha Wa Ma Ta'huzu Minal Muazzibin, hal. 316, no. 3971 dan 5098.

### **Darjat Hadith**

Hadith ini adalah *Sahih*.

### **Terjemahan Hadith**

Zuhair bin Harbin menceritakan kepada kami, Jarir bin Suhail menceritakan kepada kami, daripada ayahnya, dari Abi Hurairah katanya Rasulullah SAW. telah bersabda, “ ada dua kumpulan ahli neraka yang belum pernah aku melihatnya, satu kaum yang mempunyai cemeti-cemeti seperti ekor lembu, mer eka memukul orang dengannya. Satu lagi adalah wanita-wanita yang berpakaian telanjang berjalan, berlenggang lenggok, yang menyimpang dari perintah Allah S.W.T. dan mengajar orang yang berbuat seperti mereka, sanggul di kepalanya seperti bonggol atau punduk unta yang gila, mereka tidak akan masuk syurga malah tidak dapat mencium baunya dalam jarak perjalanan sekian-sekian.

### **Tumpuan Hadith**

Hadith ini lebih memberi tumpuan kepada ahli neraka yang di sebut Nabi iaitu sesuatu kaum yang mempunyai kuasa dan menyalahgunakan kuasa yang ada padanya (yakni bertindak zalim kepada rakyatnya), wanita yang berpakaian tetapi bertelanjang, dan wanita yang membuat sanggul yang tinggi. Pakaian yang termasuk dalam golongan ahli neraka.

### **Pakaian Sutera Bagi Wanita**

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحِيمِ بْنُ سُلَيْمَانَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِسْحَاقَ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ عَبْدِ الْعَزِيزِ بْنِ أَبِي الصَّعْبَةِ عَنْ أَبِي الْأَفْلَحِ الْهَمْدَانِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ زُرَيْرٍ الْغَافِقِيِّ سَمِعْتُهُ يَقُولُ سَمِعْتُ عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ يَقُولُ : أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَرِيرًا بِشِمَالِهِ وَذَهَبًا بِيَمِينِهِ ثُمَّ رَفَعَ بِمَا يَدَيْهِ فَقَالَ إِنَّ هَذَيْنِ حَرَامٌ عَلَى ذُكُورِ أُمَّتِي حَلٌّ لِإِنَائِهِمْ

### **Takhrij Hadith**

Imam Ibnu Majah, Sunan Ibnu Majah, Kitab 32, Kitab al-Libas, Bab 19, Bab Libas al-Harir wa al-Zahab li al-Nisa', hal. 599, no. 3595

### **Darjat Hadith**

Menurut Imam Abu Dawud, Imam Ibnu Majah, Imam Nasa'i, dan al-bani hadith ini hadith *Sahih*.(al-Albani,1998), manakala dalam riwayat Imam Ibnu Majah menambah perkataan “*hillun li inasihim*”, iaitu halal bagi perempuan.

### **Terjemahan Hadith**

Maksudnya: “Daripada Ali bin Abi Thalib RA berkata: “Rasulullah SAW mengambil sutera dengan tangan kirinya dan emas dengan tangan kanan Baginda kemudian Baginda mengangkat kedua-dua tangannya dengan berisi dengan berisi kedua-dua sutera dan emas, lalu Baginda bersabda: “Sesungguhnya kedua barang ini haram ke atas lelaki daripada umatku dan halal bagi perempuan dari kalangan mereka.”

### **Tumpuan Hadith**

Larangan Nabi terhadap lelaki dari menyerupai perempuan seperti memakai gelang, rantai dan apa-apa yang boleh menyerupai perempuan. Wanita dibenarkan memakai sutera dan larangan memakai sutera bagi lelaki

### **Larangan Menyerupai Lelaki**

حَدَّثَنَا زُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا أَبُو عَامِرٍ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ بِلَالٍ عَنْ سُهَيْلِ بْنِ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلَ يَلْبَسُ لِبْسَةَ الْمَرْأَةِ وَالْمَرْأَةَ تَلْبَسُ لِبْسَةَ الرَّجُلِ

### **Takhrij Hadith**

Imam Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Libas, Bab *fi libas al-nisa'*, no. 3575, Riyadh : Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyri wa al-Tauzi', juz 4, hal. 137

### **Darjat Hadith**

Hadith ini *Sahih* .(al-Albani,1998) berdasarkan syarat imam Muslim. Hadis yang diriwayatkan ini tidak mempunyai nama perawi yang sebelumnya melainkan nama perawi yang boleh dipercayai iaitu Abu Hurairah.

### **Terjemahan Hadith**

Menghabarkan Zuhair Bin Harb menghabarkan Abu 'Amir daripada Sulaiman bin Bilal daripada Suhail daripada ayahnya daripada Abu Hurairah berkata Nabi SAW mengutuk (melaknat) lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki.

### **Tumpuan Hadith**

Wanita yang memakai pakaian lelaki adalah dilaknat oleh Allah SWT.

## Perhiasan Wanita

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَعَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَا حَدَّثَنَا عُبيدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى عَنْ مُوسَى بْنِ عُبيدَةَ عَنْ دَاوُدَ بْنِ مُدْرِكٍ  
عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الرُّبَيْرِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ بَيْنَمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَالِسًا فِي الْمَسْجِدِ إِذْ دَخَلَتْ امْرَأَةٌ مِنْ  
مُزَيْنَةَ تَرَفُّلُ فِي زِينَةٍ لَهَا فِي الْمَسْجِدِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا أَيُّهَا النَّاسُ انْهَوْا نِسَاءَكُمْ عَنْ لُبْسِ الزَّيْنَةِ وَالتَّبَخُّثِ  
فِي الْمَسْجِدِ فَإِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَمْ يُلْعَنُوا حَتَّى لَبَسَ نِسَاؤُهُمُ الزَّيْنَةَ وَتَبَخَّثَرْنَ فِي الْمَسَاجِدِ

### Sumber Hadith

Imam Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab Fatan, Bab Fitnatun Nisa', hal. 661, no.3991.

### Darjat Hadith

Hadith ini adalah hadith *Da'if*. (al-Albani, 1998)

### Terjemahan Hadith

Abu Bakar bin Abi Syaibah menceritakan kepada kami, dan Ali bin Muhammad telah berkata, Ubaidillah bin Musa menceritakan kepada kami dari Musa bin Ubaidah dari Daud bin Mudrik dari Urwah bin Zubair, diceritakan dari Aisyah r.a. : “Pada suatu ketika Rasulullah SAW duduk di Masjid, tiba-tiba masuklah seorang perempuan dari suku Muzainah yang memakai pakaian terseret-seret di tanah untuk perhiasan pada dirinya di dalam masjid.” Maka Nabi SAW bersabda: “Wahai manusia, laranglah isteri-isterimu dari memakai perhiasan dan memperindah gaya berjalan di dalam Masjid. Kerana, sesungguhnya kaum Bani Israil itu tidak dilaknat hingga mereka memberi pakaian isteri-isteri mereka dengan pakaian perhiasan dan mereka berjalan dengan gaya sombong di dalam masjid.

### Tumpuan Hadith

Hadith ini menumpukan kepada larangan memakai pakaian, perhiasan, dan memperindahkan gaya berjalan di dalam Masjid.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, al-Quran dan al-Hadith sebagai panduan kehidupan kita telah menggariskan tatacara yang lengkap bagi seorang wanita muslimah untuk keluar dari rumah. Syariah Islam adalah satu sistem yang komprehensif dan sempurna. Ia telah mengubah suai mengikut keperluan semasa. Jelas bahawa wanita terpaksa keluar semasa menjalankan tugasnya untuk sebab-sebab yang tertentu, maka dalam hal ini mereka telah dituntut untuk memakai hijab apabila mereka keluar dari rumah. Justeru, fesyen busana muslimah yang ingin digayakan perlulah dirujuk agar menepati syariat dan berbusana itu dalam keredhaan Allah Swt.

Busana Muslimah sepertimana yang diterangkan dalam artikel ini jelas menunjukkan kewajipan menutup aurat bagi wanita. Ketiga-tiga tertib penurunan ayat berkaitan tatacara busana muslimah yang sebenarnya tujuannya adalah untuk memberikan kefahaman yang sempurna berkaitan busana muslimah yang sempurna. Kemudian dilengkapi pula dengan dalil-dalil dari matan al-Hadith. Pengabungjalinan

kedua-dua sumber ini menjadikan setiap yang kita lakukan lebih sempurna serta menepti syariat Islam.

## Rujukan

- Abu Dawud. (t.t ). *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Libas. *Bab Fi Ma Tubdi al-Mar'ah Min Zinatiha*, no. 4104, Riyadh : Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyri wa al-Tauzi'. juz 4.
- Afzalur Rahman. (2000). *Ensiklopedia Sirah.*, J.3.
- Al-Albani (1993). *Sahih wa Da'if Imam Nasa'i*. Beirut : Al-Maktab al-Islami. J.11.
- Al-Imam al-Hafiz Abi Dawud Sulaiman Ibn al-'Ash'ath al-Sajastani al-Azdi. (1973). *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Libas. Hims : Dar al-Hadith. J.4.
- Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa. (2001). *Tafsir al-Maraghiy*. j.21.
- Al-Qurtubi . (1987). *op. cit*.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. (t.t), *Tafsir ayat-Ayat hukum*, Saleh Mahfoed (terj.). Kuala Lumpur : Pustaka al-Azhar. j.2.
- Mohd Azhar Abdullah. (2002). *Batasan Aurat Lelaki dan Perempuan*. cet. kedua, Kota Bharu.
- Muhammad Ismail. (2007). *Tafsir Ibn Kathir*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. (2000). *Fiqh al-sirah*. Mohd Darus Sanawi (terj.). Selangor : Dewan Pustaka Fajar. J.2 .
- Muhammad b. Yusof. (1983). *Tafsir Al-Bahr al-Muhit*. Beirut : Dar al-Fikr. J.7.
- Teuku Iskandar. (1996). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

## Penulis

Siti Sarah Binti Zainal Abidin ialah pelajar pascasiswazah di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Fokus kajian beliau ialah dalam kajian kontemporari Islam.

Dr. Nawawi @ Mohd Nawawi Ismail berasal dari Kelantan. Ijazah pertama dari universiti al-Azhar Mesir. Ijazah Sarjana dan PhD Akademi Pengajian Islam UM. Kepakaran dalam bidang Usuluddin, Akidah dan Pemikiran Islam. Berpengalaman sebagai guru, pegawai Agama JAKIM, pensyarah UM dan sekarang Pensyarah Kanan di UMK. Banyak menulis mengenai akidah dan isu-isu kontemporari umat Islam.